

# ICOMSA bincang isu marin, akuakultur

(1M 1.3.2017 25)

**S**EJARAH penganjuran persidangan antarabangsa sains marin dan akuakultur ini bermula pada tahun 2004 apabila Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menandatangani perjanjian persefahaman dengan sebuah universiti terkemuka di Jepun yang kini dikenali sebagai Kindai University (dahulunya dikenali sebagai Kinki University).

Tujuan awal persidangan tersebut dianjurkan adalah menyediakan platform kepada penyelidik sains marin dan akuakultur di UMS berkongsi hasil penyelidikan mereka dengan penyelidik-penyelidik dari universiti tersebut.

Ketika itu, persidangan ini hanyalah bermula sebagai sebuah seminar tahunan. Walau bagaimanapun, dengan penyertaan yang sangat menggalakkan dari ramai penyelidik di dalam dan luar negara, maka persidangan ini telah dinaik taraf menjadi sebuah persidangan bertaraf antarabangsa dan secara

rasminya dikenali sebagai Persidangan Antarabangsa Sains Marin dan Akuakultur (*International Conference on Marine Science and Aquaculture* atau ICOMSA).

Menurut pengerusi penganjur, **Prof. Madya Dr. Julian Ransangan** saban tahun, persidangan ini memilih tema yang bersesuaian untuk dibenteng dan dibahas semasa persidangan.

Umpamanya, pada tahun 2004, tema *Status Terkini dan Masa Depan Pembangunan Kultur Ikan* telah dipilih kerana ia dirasakan bahawa adalah perlu untuk mengetahui status terkini perkembangan akuakultur supaya perancangan bagi pembangunan masa depan akuakultur di negara ini dapat dirumus. Kemudian, pada tahun 2005, temanya adalah *Pembangunan Terkini Dalam Bidang Perikanan dan Sains Marin*. Tema tersebut dipilih supaya perbincangan menjurus kepada pengenalpastian hala tuju penyelidikan keutamaan



**JULIAN RANSANGAN**

bagi kedua-dua bidang sains marin dan akuakultur. Pada tahun 2006 terdapat kesedaran mengenai perlunya ilmu oseanografi pesisir bagi memastikan kelestarian industri akuakultur laut.

Oleh itu, tema *Oseanografi Pantai dan Kemampuan Akuakultur Marin: Pertembungan dan Sinergi* telah

dipilih bagi menarik minat penyelidik yang mengkaji topik tersebut membentengkan hasil penelitian mereka.

Menjelang tahun 2007, revolusi bioteknologi dilihat mempunyai peranan penting dalam pembangunan sains marin dan akuakultur. Justeru itu, tema *Bioteknologi Akuakultur Prospek untk Revolusi Biru* telah dipilih bagi menilai sejauh mana revolusi bioteknologi memberi kesan terhadap pembangunan akuakultur di Malaysia. Sekitar tahun 2008 sehingga 2015, perubahan iklim dunia menjadi inti pati ICOMSA.

Selaras dengan itu, tema

**Persidangan ini memilih tema yang bersesuaian untuk dibenteng dan dibahas semasa persidangan."**

persidangan bagi tahun-tahun tersebut dipilih sedemikian rupa supaya hasil-hasil penyelidikan mengenai kesan fenomena ini terhadap kelestarian sumber makanan laut dibahas dan kerangka adaptasi akuakultur terhadap perubahan iklim dapat dibangunkan.

Tahun lalu negara kita telah mengambil langkah proaktif menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang

berinovasi.

Sehubungan dengan itu, IPMB telah menyahut seruan tersebut supaya hasrat ini dapat direalisasikan dalam bidang sains marin dan akuakultur. Oleh itu *Memupuk Inovasi Ekosistem Untuk Kelestarian Laut dan Kesejahteraan Sosial* telah dipilih sebagai tema persidangan ICOMSA pada tahun 2016.

Kertas-kertas penyelidikan yang dibenteng dan dibahas ketika itu adalah tertumpu kepada bagaimana

ekosistem inovasi dalam sains marin dan akuakultur dipupuk bagi memastikan kesejahteraan dan kelangsungan hidup manusia sejagat.

## FAKTA

**PERSIDANGAN Antarabangsa Sains Marin dan Akuakultur ICOMSA 2017**

● Tarikh : 14 dan 15 Mac 2017

● Lokasi: Kota Kinabalu

● Tema: "New frontier in sustainable marine bioresources".

● Penganjur bersama ICOMSA adalah Sabah Ports Sdn Bhd., sebuah anak syarikat milik penuh Suria Capital Holdings Berhad.

● Setakat ini, lebih seratus penyertaan telah diterima yang terdiri daripada 54 pembenteng lisan dan lebih 60 pembenteng secara poster.



IPMB berjaya menghasilkan benih ketam bakau (*Scylla tranquebarica*) di hatceri IPMB.

